

IKLAN SEBUTHARGA TANPA BUKA PETI: IKM/TBP/BIL.20/2021



**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

(Agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi)

**TAWARAN SEBUTHARGA (TANPA BUKA PETI)**

**SPESIFIKASI :**

NO	PERKARA/SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH IKLAN SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
1.	SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, 103, JALAN TEMPLER, 46700 PETALING JAYA, SELANGOR PADA TAHUN 2021-2030.	221110	2 JULAI 2021 (JUMAAT)	12 JULAI 2021 (ISNIN)  MASA: 12.00 TENGAH HARI

Kepada pembekal yang berminat hendaklah emailkan sebutharga kepada [sebutharga@ikkm.edu.my](mailto:sebutharga@ikkm.edu.my) sebelum atau pada 12 Julai 2021 (Isnin), sebelum jam 12:00 tengah hari.

**DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN BERSAMA DOKUMEN SEBUTHARGA**

NO	SENARAI DOKUMEN	SILA TANDAKAN
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan yang masih dalam tempoh sah laku.	
2.	Salinan Akuan Sijil Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan yang masih dalam tempoh sah laku.	
3.	Salinan Dokumen Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)	
4.	Penyata Kewangan 1 bulan terakhir	
5.	Surat Akuan Pembida	
6.	Profil Syarikat	

Sebarang pertanyaan mengenai spesifikasi sebut harga, sila hubungi pegawai Razalie bin Raffae di talian 03-79649047 / 016-4478676 atau Sharina bt Abdullah di talian 03-79649047 / 012-2316340.

Disahkan oleh,

**Shamsuri bin Salleh**

Pengarah Kewangan Dan Pembangunan



Ministry of Finance (MOF)

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**(SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, 103, JALAN TEMPLER, 46700 PETALING JAYA, SELANGOR PADA TAHUN 2021-2030.)**

Saya.....nombor K.P .....yang mewakili  
.....nombor Pendaftaran.....

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam ..... atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam.....atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. KP:

Cop Syarikat :

Catatan: i) \*Potong mana yang tidak berkenaan.

ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa



## **DOKUMEN SEBUTHARGA**

**IKLAN SEBUTHARGA TANPA BUKA PETI**

**IKM/TBP/BIL.20/2021**

**SEBUTHARGA PERKHIDMATAN PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK  
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, 103, JALAN TEMPLER, 46700  
PETALING JAYA, SELANGOR PADA TAHUN 2021 - 2030.**

**DISEDIAKAN OLEH :  
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA ZON SARAWAK  
WISMA SEGO,  
JALAN SULTAN TENGAH,  
93050 KUCHING,  
SARAWAK**

## **ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**

### **1. TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran terbuka kepada Kontraktor yang berdaftar kepada,

- i. **Berdaftar dengan Kementerian Kewangan**
- ii. **Berdaftar Kod Bidang 221110**
- iii. **Pembekal Bumiputera/ Bukan Bumiputera**

### **2. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

Sila catat **TAJUK SEBUT HARGA** di sebelah kiri sampul surat dan diserahkan mengikut tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan. Pihak IKM berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.

### **3. JANGKA MASA SAH LAKU SEBUT HARGA**

Sebut harga mestilah sah laku dalam jangka masa sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebut harga.

### **4. PEMBERITAHUAN TAWARAN**

Pihak IKM akan memberi notis bertulis dalam bentuk Surat Setuju Terima Sebut Harga kepada penyebut harga yang berjaya apabila sebut harganya dipersetujui dalam jangka masa sah laku sebut harga atau jangka masa tambahan yang terlibat. Segala urusan mati setem perjanjian ditanggung oleh pembekal.

### **5. HARGA**

Harga bagi semua perkara dan bidang kerja yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja termasuk semua caj penghantaran dan sah laku dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebut harga.

Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup, dan akan berkuat kuasa selama tempoh sah laku sebut harga. Penyebut harga yang berjaya ditawarkan sebut harga ini hendaklah mematuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan tanpa persetujuan kedua-dua belah pihak.

## **6. CUKAI**

Penyebutharga **perlu melampirkan Salinan No Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)** jika ada. Sekiranya penyebutharga yang berjaya tetapi **TIDAK** menyatakan nilai Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada tawaran sebutharga, pihak IKM akan mengekalkan harga seperti yang dinyatakan pada tawaran harga oleh penyebutharga.

## **7. TEMPOH MASA SIAP & PENGHANTARAN**

Pembekal dikehendaki menghantar kesemua barang & perkhidmatan yang ditawarkan dalam tempoh yang dipersetujui oleh kedua- dua pihak.

## **8. KUALITI**

Sekiranya barang & perkhidmatan yang dihantar ke IKM tidak berkualiti atau tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, pihak IKM berhak menolak penerimaan barang & perkhidmatan tersebut dan pembekal perlu membekal semula barang & perkhidmatan mengikut spesifikasi yang ditetapkan tanpa sebarang kos / caj tambahan.

## **9. JADUAL PEMBAYARAN**

IKM akan membuat pembayaran dalam Ringgit Malaysia (RM) kepada penyebut harga yang berjaya setelah kesemua dokumen tuntutan (invois) disahkan oleh unit bertanggungjawab dan dihantar ke Unit Kewangan dan Perolehan dalam tempoh 14 hari bekerja.

**10. SPESIFIKASI SEBUTHARGA & TAWARAN HARGA**

Spesifikasi: Sebutharga Perkhidmatan Penyediaan Pelan Strategik Institut Koperasi Malaysia, 103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya, Selangor Pada Tahun 2021 - 2030.

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1	<b>FASA 1:</b> Kajian & Dokumentasi Pra Bengkel	
2	<b>FASA 2:</b> Pengendalian Bengkel -Fasilitator -Material Bengkel -Slide Presentation	
3	<b>FASA 3:</b> Konsolidasi dan Penyelarasan Doklumentasi Pelan Strategik Pasca Bengkel	
<b>JUMLAH KESELURUHAN HARGA TAWARAN</b>		
<b>CAJ CUKAI JUALAN &amp; PERKHIDMATAN (SST) (SEKIRANYA ADA)</b>		
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		

**Jumlah Keseluruhan Termasuk  
Cukai Jualan & Perkhidmatan (SST) :** RM.....

**Nama Dan Cop  
Kontraktor** :.....  
.....  
.....  
.....

**Tarikh Tutup Sebutharga** : **12 Julai 2021 (Isnin), sebelum jam 12.00 tengahari**